

Headline	Amin yakin mara ke separuh akhir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	69
ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>	Journalist	Saiful Affendy
PR Value	RM 19,191		



## Amin yakin mara ke separuh akhir

**Saiful Affendy Sapran**  
saifulaffendy@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Meskipun tewas 0-1 pada aksi separuh akhir pertama kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), ketua jurulatih TNB Mohd Amin Rahim tetap yakin barisan pemainnya mampu mengubah keputusan pada aksi separuh akhir kedua hari ini sekali gus mara ke pentas final Piala TNB, Ahad ini.

Jelas Amin, bukan sesuatu yang mustahil untuk menewaskan KLHC kerana beliau percaya barisan pemainnya sememangnya mempunyai kemampuan untuk melakukan perkara itu.

**TNB PIALA TNB**  
**MHL**  
**SEPARUH AKHIR KEDUA**  
**HARI INI**

UniKL (4) **mln** (4) THT  
(6 petang)

TNB (0) **mln** (1) KLHC  
(8 malam)

\*Semua perlawanan di Std Tun Razak

“Dalam permainan hoki moden, kelebihan satu atau dua gol sebenarnya tidak cukup.

“Saya yakin jika pemain dapat mempamerkan aksi terbaik, kami mungkin mampu memenangi perlawanan separuh akhir kedua



nanti,” katanya.

Pada aksi separuh akhir pertama kelmarin, TNB hampir mengejutkan KLHC yang baru dinobatkan selaku juara liga dengan mempamer semangat melawan tinggi.

Bagaimanapun jaringan tunggal Mohd Syamim Mohd Yusof pada minit terakhir perlawanan menyaksikan

KLHC mencatat kemenangan tipis 1-0 sekali gus mempunyai kelebihan sedikit menjelang aksi timbal balik, hari ini.

Satu lagi aksi separuh akhir membabitkan Terengganu Hockey Team (THT) serta Universiti Kuala Lumpur (UniKL) juga menyaksikan peluang seimbang apabila kedua-dua pasukan seri 4-4 pada separuh akhir pertama.

“Kami perlu lebih fokus pada perlawanan kedua ini selepas memberikan ruang kepada lawan untuk menjaringkan gol penyamaan di hujung permainan separuh akhir pertama.

“Masih ada berbaki 60 minit permainan dan ini bermakna peluang kami untuk mara ke final masih belum tamat,” kata pengendali UniKL, Arul Selvaraj.